



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-37**

**KERTAS MAKLUMAN  
PELAKSANAAN SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TAHUN 2017**

### **1.0 TUJUAN**

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia Kali Ke-37 berkaitan Laporan Pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2017.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melaksanakan Sambutan HKIP UPM 2017 pada 10 November 2017 yang bertemakan **Inovasi Mengilham Masa Depan Gemilang**.

Objektif pelaksanaan sambutan ini adalah:

- (i) Meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;
- (ii) Memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;
- (iii) Merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan
- (iv) Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

### **3.0 PELAKSANAAN SAMBUTAN HKIP UPM 2017**

Sambutan HKIP 2017 masih mengekalkan konsep santai sebagaimana pelaksanaan tahun sebelumnya. Pelbagai program telah diatur dan dilaksanakan antaranya persembahan pembukaan HKIP oleh DuoMagic Putra, penyampaian hadiah dan anugerah, persembahan selingan dikir barat oleh Kumpulan Dikir Barat Inovasi Pejabat Bursar, pertandingan delegasi kreatif antara PTJ, Penghargaan Putra Ihsan dan pameran berkaitan inovasi dan kreativiti dalam perkhidmatan.

Atur cara sepanjang Sambutan HKIP UPM 2017 adalah seperti pada **Lampiran A**.

#### 4.0 PENGLIBATAN

Sambutan ini melibatkan keseluruhan warga UPM Kampus Serdang dan Kampus Bintulu. Jumlah penyertaan dari Pusat Tanggungjawab adalah seramai 673 orang. Acara kemuncak bagi sambutan ini adalah penyampaian hadiah/anugerah kepada pemenang.

Terdapat 3 kategori hadiah/anugerah yang dianjurkan pada tahun 2017 iaitu kategori anugerah utama, anugerah lain dan hadiah. Pembahagian hadiah/anugerah mengikut kategori adalah seperti berikut:

(i) Anugerah Utama HKIP

- Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran  
(Peneraju: Pusat Jaminan Kualiti)

(ii) Anugerah Lain HKIP

- Anugerah Inovasi Perkhidmatan  
(Peneraju: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi))
- Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif  
(Peneraju: Pusat Jaminan Kualiti)
- Anugerah Pengurusan Lean  
(Peneraju: Pejabat Pendaftar)
- Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja  
(Peneraju: Pusat Jaminan Kualiti)
- Anugerah Pengurusan Laman Web  
(Peneraju: Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi)
- Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
(Peneraju: Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)
- Anugerah Indeks Akauntabiliti  
(Peneraju: Bahagian Audit Dalam)

(iii) Hadiah HKIP

- Hadiah Mencipta Tema HKIP  
(Peneraju: Perpustakaan Sultan Abdul Samad)
- Hadiah Idea Inovasi  
(Peneraju: Pusat Jaminan Kualiti)

Objektif, pelaksanaan dan keputusan hadiah/anugerah seperti pada **Lampiran B**.

## **5.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN HKIP 2018**

Mesyuarat *Post Mortem* Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan Tahun 2017 (HKIP 2017) UPM yang diadakan pada 22 November 2017 telah mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk pelaksanaan HKIP 2018 sepertimana berikut:

- (i) Mendapatkan tajaan daripada pihak UPM Holdings untuk hadiah/anugerah/piala pusingan;
- (ii) Hadiah utama ditaja oleh pihak pengurusan Universiti;
- (iii) Pemberian insentif kepada Pengacara Majlis. Pejabat Bursar diminta menyemak kesesuaian pelaksanaan cadangan ini untuk diselaraskan kepada semua majlis utama universiti bagi pelaksanaan bermula tahun 2018;
- (iv) Keperluan maklumat untuk buku program bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Anugerah Pengurusan Lean diserahkan lebih awal kepada peneraju anugerah;
- (v) Rekabentuk buku program yang menggunakan logo/ilustrasi tertentu perlu disemak dengan teliti bagi mengelakkan berlaku duplikasi dengan rekabentuk yang telah digunakan oleh agensi/organisasi luar;
- (vi) Keahlian setiap jawatankuasa induk turut melibatkan ahli di PTJ lain;
- (vii) Menyemak protokol dan kebarangkalian risiko yang akan berlaku semasa pengemudian *drone* dalam sesuatu majlis rasmi universiti;
- (viii) Membuat penetapan pemberian anugerah hanya kepada projek/inovasi yang memperolehi markah minimum iaitu 80% hingga 100% sahaja yang layak menerima Anugerah;
- (ix) Menambah bilangan pemenang bagi Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja iaitu Pemenang Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga bagi setiap Kategori;
- (x) Menyemak semula pembahagian PTJ setiap kategori dengan melihat saiz PTJ terutama bagi Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja dan Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (xi) Menukar pemberian hadiah pemenang Anugerah Pengurusan Laman Web bagi Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga kepada pemenang PTJ terbaik mengikut kategori PTJ;
- (xii) Menambah ahli Jawatankuasa Kecil penilaian bagi Hadiah Mencipta Tema iaitu keahlian dari Pejabat Naib Canselor dan Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi;

- (xiii) Memasukkan nama peserta dalam penulisan sijil pemenang/penarafan bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Anugerah Pengurusan Lean;
- (xiv) Mewujudkan Jawatankuasa Kerja Sesi Pembentangan secara berpusat yang dianggotai oleh peneraju yang terlibat iaitu Pusat Jaminan Kualiti, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pejabat Pendaftar supaya agihan tugas dapat dibuat secara bersama bagi memastikan sesi pembentangan inovasi berjalan lancar; dan
- (xv) Mencadangkan poster inovasi yang disediakan semasa HKIP untuk KIK, LEAN dan Inovasi Perkhidmatan dioptimumkan penggunaan/manfaatnya melalui penyertaan pameran dalam program lain selepas HKIP sebagai salah satu ruang pembelajaran dan penghargaan kepada pempamer dan juga pekerja lain di UPM.

## **6.0 SYOR**

Ahli Mesyuarat adalah dimohon:

- (i) mengambil maklum Laporan Pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2017; dan
- (ii) mengambil perhatian terhadap cadangan penambahbaikan untuk pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2018 yang dijadualkan pada 2 November 2018 iaitu selepas Majlis Konvokesyen UPM Kali ke - 42.

**ATURCARA**

**HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP) UPM TAHUN 2017**

- 8.30 pagi - Ketibaan Jemputan/ Pekerja
- 8.45 pagi - Ketibaan Ahli Pengurusan Universiti
- 9.00 pagi - Perarakan Masuk Ahli Pengurusan Universiti & Pengerusi HKIP 2017
- 9.05 pagi - Lagu *Negaraku*  
- Lagu *Putra Gemilang*  
- Ucapan Aluan Pengerusi HKIP 2017  
- Ucapan oleh Naib Canselor  
- Lafaz Ikrar Hari Inovasi
- 9.37 pagi - Persembahan Pembukaan HKIP 2017 oleh DuoMagic Putra
- 10.00 pagi - Penyampaian Hadiah & Anugerah HKIP 2017
  - Hadiah Mencipta Tema
  - Hadiah Idea Inovasi
  - Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja
  - Anugerah Pengurusan *Lean*
  - Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
  - Anugerah Inovasi Perkhidmatan
- 10.35 pagi - Persembahan Selingan Dikir Barat Inovasi Pejabat Bursar
- 10.45 pagi - Sambungan Penyampaian Hadiah & Anugerah HKIP 2017
  - Anugerah Pengurusan Laman Web
  - Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
  - Anugerah Indeks Akauntabiliti
  - Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran
- 11.10 pagi - Penyampaian Hadiah Pertandingan Delegasi Kreatif Antara PTJ
- 11.25 pagi - Penghargaan **Putra Ihsan Q-Inovatif**
- 11.40 pagi - Lagu Hari Inovasi UPM
- 11.50 pagi - Doa Penutup Majlis oleh Pengarah Pusat Islam
- 11.55 pagi - Lawatan Pameran
- 12.15 tghari - Bersurai

**(1) ANUGERAH PENARAFAN BINTANG PENGURUSAN PENTADBIRAN**

**Objektif**

- i. Menilai dan mengukur prestasi PTJ bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang cemerlang;
- ii. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul; dan
- iii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan PTJ untuk mengamalkan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

**Kaedah Pelaksanaan**

Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran melibatkan semua PTJ, dan berpaksi kepada 3 komponen seperti berikut:

- i. Komponen Pengurusan (60%) yang melibatkan 6 kriteria, iaitu:
  - a. Indeks Akauntabiliti;
  - b. Pengurusan, Pembangunan dan Perkhidmatan Sumber Manusia;
  - c. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja;
  - d. Pengurusan Laman Web PTJ;
  - e. Pengurusan Kualiti; dan
  - f. Citra Putra (KPI UPM/Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras).
- ii. Komponen Transformasi (20%) yang melibatkan 3 kriteria, iaitu:
  - a. Pelaksanaan Inovasi Perkhidmatan (Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Inovasi Perkhidmatan dan Lean);
  - b. Pelaksanaan Amalan 5S/EKSA; dan
  - c. Jaringan Komuniti atau Kelestarian Hijau.
- iii. Komponen Kepuasan Pelanggan (20%) yang melibatkan 2 kriteria, iaitu:
  - a. Kajian Kepuasan Pelanggan; dan
  - b. Piagam Pelanggan.

Semakan dan perakuan pemenang Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran dibuat oleh Jawatankuasa Induk Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.

## **(2) ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN**

### **Objektif**

- i. Memberikan pengiktirafan secara formal kepada PTJ yang telah menunjukkan hasil inovasi;
- ii. Menggalakkan perkongsian pintar amalan terbaik yang menghasilkan inovasi;
- iii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja untuk diamalkan di PTJ;
- iv. Mengenalpasti dan memperkenalkan hasil-hasil inovasi yang boleh di contohi untuk faedah PTJ lain; dan
- v. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

### **Kaedah Pelaksanaan**

Penyertaan bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan hendaklah hasil daripada idea yang dicetuskan oleh pekerja/kumpulan pekerja Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM. Permohonan lengkap mestilah melalui pencalonan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum dihantar kepada pihak urus setia. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi. Setiap PTJ boleh mencalonkan sekurang-kurangnya 1 permohonan dan maksimum 3 hasil inovasi mereka.

Inovasi yang tidak layak menyertai anugerah ini ialah:

- i. Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;
- ii. Inovasi untuk tujuan komersial; dan
- iii. Inovasi yang sudah tidak digunapakai/diaplikasi pada tahun dinilai.

## **(3) ANUGERAH KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF**

### **Objektif**

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pekerja yang terlibat dengan memberi peluang kepada kumpulan KIK menyampaikan idea dan kreativiti;
- ii. Meyakinkan PTJ di UPM bahawa KIK dapat membantu menyelesaikan masalah berkaitan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan;
- iii. Menjadikan KIK sebagai landasan budaya kerja berkualiti; dan
- iv. Mengenalpasti wakil KIK ke pertandingan KIK di peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

## **Kaedah Pelaksanaan**

Proses penilaian Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi Anugerah KIK dibuat oleh Panel Penilai yang dilantik berdasarkan 7 kriteria yang telah ditetapkan, selaras dengan kriteria penilaian oleh pihak INTAN, MAMPU dan MPC seperti berikut:

- i. Pengenalan;
- ii. Pemilihan projek dan definisi;
- iii. Analisis peluang penambahbaikan;
- iv. Penyelesaian/pelaksanaan kreatif dan inovatif;
- v. Pemantauan dan penyeragaman;
- vi. Pencapaian dan penciptaan nilai; dan
- vii. Persembahan projek.

Pembentangan projek telah dilaksanakan pada 24 Oktober 2017 untuk menentukan pemenang anugerah ini.

## **(4) ANUGERAH PENGURUSAN LEAN**

### **Objektif**

- i. Memberi pengiktirafan dan insentif kepada pasukan yang telah berjaya melaksanakan aktiviti Lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ;
- ii. Berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai aktiviti Lean dan projek penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh PTJ; dan
- iii. Memupuk budaya persaingan sihat di antara PTJ bagi tujuan penambahbaikan berterusan proses kerja di UPM.

### **Kaedah Penyertaan**

Penyertaan Pertandingan Leanova UPM terbuka kepada semua PTJ di UPM yang telah melaksanakan aktiviti Lean dan projek penambahbaikan.

Penilaian Pertandingan Leanova@UPM dibuat berdasarkan 9 kriteria yang telah ditetapkan, selaras dengan kriteria penilaian oleh pihak MPC seperti berikut:

- i. Pemilihan projek dan tujuan - pembentukan kumpulan, proses yang dipilih adalah selari dengan matlamat organisasi dan pengukuran projek;
- ii. Penyelesaian masalah secara kreativiti dan inovasi - Alat yang digunakan untuk pemetaan proses, contoh: *value stream mapping* (vsm), proses terkini dan sebagainya;
- iii. Analisis sebab dan akibat;
- iv. Analisis penjimatan kos;
- v. Kesan dan impak projek – Penyediaan laporan A3 (merangkumi impak projek); dan
- vi. Tindakan susulan dan semakan KPI: penyeragaman.

4 projek Lean telah menyertai pertandingan Leanova@UPM yang telah diadakan pada 24 Oktober 2017.



## **(5) ANUGERAH KUALITI PERSEKITARAN TEMPAT KERJA (5S/EKSA)**

### **Objektif**

- i. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti persekitaran tempat kerja dan perkhidmatan;
- ii. Menggalak kerjasama dan membentuk budaya saling membantu secara berterusan dalam kalangan kakitangan bagi mewujudkan dan mengekalkan suasana tempat kerja yang bermaklumat, bersih, kemas, teratur dan mesra pelanggan; dan
- iii. Menggalakkan persaingan sihat di antara PTJ di UPM ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan kualiti tempat kerja dan urus tadbir yang baik.

### **Kaedah Pelaksanaan**

Penyertaan Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (5S/EKSA) adalah diwajibkan kepada semua PTJ yang tidak pernah mendapat pensijilan Amalan 5S/EKSA daripada mana-mana badan pensijilan. Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara berikut:

- i. Pelaksanaan Amalan 5S
  - Usaha Ke Arah 5S;
  - Ruang Tempat Kerja (Pejabat); dan
  - Persekitaran Tempat Kerja.
- ii. Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
  - Keperluan Utama Pelaksanaan;
  - Ruang Tempat Kerja/Pejabat;
  - Tempat Umum;
  - Keselamatan Persekitaran;
  - Kawasan Persekitaran Jabatan; dan
  - Tempat-tempat Khusus (Sesuai Mengikut Keperluan Agensi).

Pada tahun ini, 26 PTJ telah dinilai setelah mendapat maklum balas kesediaan 5S/EKSA. 26 PTJ tersebut adalah:

- Pejabat Naib Canselor;
- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
- Pejabat Pendaftar;
- Pejabat Bursar;
- Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi;
- Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- Fakulti Ekologi Manusia;
- Fakulti Kejuruteraan;
- Fakulti Pengajian Pendidikan;
- Fakulti Pengajian Alam Sekitar;
- Fakulti Rekabentuk dan Senibina;
- Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPM Kampus Bintulu);
- Institut Pengajian Sains Sosial;
- Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan;
- Institut Penyelidikan Matematik;

- Pusat Alumni;
- Pusat Jaminan Kualiti;
- Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;
- Pusat Kesihatan Universiti;
- Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan;
- Pusat Antarabangsa;
- Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser;
- Bahagian Audit Dalam;
- Perpustakaan Sultan Abdul Samad;
- Kolej Kelima; dan
- Kolej Keempat Belas.

## **(6) ANUGERAH PENGURUSAN LAMAN WEB**

### **Objektif**

- i. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai laman web yang cemerlang;
- ii. Menggalakkan kerjasama dikalangan ahli PTJ untuk turut menyumbang kandungan pada laman web PTJ masing-masing; dan
- iii. Menjadi piawai dan contoh laman web yang cemerlang kepada seluruh PTJ di UPM.

### **Kaedah Pelaksanaan**

Penilaian bagi Anugerah Pengurusan Laman Web dilaksanakan melalui kaedah berikut:

- i. Semua laman web PTJ UPM akan dinilai bagi anugerah Pengurusan Laman Web;
- ii. Kriteria penilaian mengguna pakai kriteria yang dibentuk oleh Jawatankuasa Anugerah Penarafan Bintang Bagi Komponen Pengurusan Laman Web PTJ;
- iii. Penilaian laman web diadakan pada bulan September dan menggunakan laman web semasa PTJ;
- iv. Penilaian laman web dijalankan oleh panel yang dilantik dan terdiri dari pelbagai PTJ; dan
- v. Sekiranya terdapat markah yang sama pada 3 kedudukan teratas, penilaian terakhir kedudukan 3 teratas ditentukan oleh Jawatankuasa Anugerah Penarafan Bintang bagi Komponen Pengurusan Laman Web PTJ.

## **(7) ANUGERAH PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

### **Objektif**

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM yang mengutamakan dan mengamalkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta mempunyai rekod cemerlang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja masing-masing; dan
- ii. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah mencapai kecemerlangan di dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang merupakan sebahagian dari usaha untuk menjadikan tempat kerja di UPM selamat dan sihat serta menjadikan amalan kerja yang selamat dan sihat sebagai satu budaya kerja bagi warga UPM.

### **Kaedah Pelaksanaan**

Penilaian Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dilaksanakan berdasarkan PTJ yang disenarai pendek iaitu PTJ yang mendapat markah cemerlang pada Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2016. PTJ yang berjaya disenarai pendek seterusnya akan dinilai mengikut kriteria penilaian dan pemarkahan seperti berikut :

- i. Status/Markah Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PTJ tahun 2016;
- ii. Penghantaran maklum balas penemuan Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PTJ tahun 2016 mengikut tempoh; dan
- iii. Penghantaran laporan suku tahun aktiviti JKKP-PTJ (melalui Sistem OSHONLINE atau emel ke urusetia) mengikut tempoh.

## **(8) ANUGERAH INDEKS AKAUNTABILITI**

### **Objektif**

Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah mencapai kecemerlangan di dalam aspek pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan dengan teratur, mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan dikemaskini.

### **Kaedah Pelaksanaan**

Penilaian Anugerah Indeks Akauntabiliti tahun 2017 dinilai berdasarkan pengurusan aset PTJ dan juga pemerhatian pengurusan aset PTJ semasa verifikasi dijalankan. Kategori/kumpulan PTJ dibahagikan mengikut bilangan aset PTJ, iaitu:

- i. Aset dan inventori PTJ melebihi 1200 unit;
- ii. Aset dan inventori PTJ melebihi 300 unit dan kurang dari 1200 unit; dan
- iii. Aset dan inventori PTJ kurang dari 300 unit.

Kriteria penilaian yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Hasil verifikasi tahun 2017;
- ii. Kerjasama dan komitmen PTJ semasa verifikasi dijalankan;
- iii. Penilaian tahap pematuhan ke atas pengurusan Aset;

- a. Kew.PA 7 dipamerkan;
- b. Penilaian tahap pematuhan ke atas pengurusan aset lokasi sebenar sama seperti rekod FAMS;
- c. Pengguna am sama seperti rekod FAMS; dan
- d. Id aset ditulis dan barkod ditampal pada aset yang sepatutnya.

## **(9) HADIAH MENCIPTA TEMA HKIP**

### **Objektif**

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan secara formal kepada pekerja UPM untuk melahirkan idea yang kreatif dan inovatif dalam mencipta tema Hari Inovasi; dan
- ii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan pekerja dan memupuk semangat kerjasama untuk menyumbang idea.

### **Kaedah Pelaksanaan**

Tema yang dihantar dinilai oleh Jawatankuasa Panel Penilai Hadiah Mencipta Tema HKIP untuk pemilihan tema terbaik. Tema yang dipilih diguna pakai untuk HKIP 2017. Pada tahun ini sebanyak 15 tema telah dikemukakan dari kalangan 11 orang pekerja UPM.

## **(10) HADIAH IDEA INOVASI**

### **Objektif**

- i. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pekerja UPM yang telah menyumbangkan idea inovasi/tajuk projek yang terbaik, praktikal serta berpotensi untuk diketengahkan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ)/UPM; dan
- ii. Menggalakkan pembentukan budaya fikir yang kreatif dan inovatif dalam kalangan pekerja UPM sebagai pemangkin ke arah penghasilan produk inovasi perkhidmatan UPM berimpak tinggi.

### **Kaedah Pelaksanaan**

Pertandingan Idea Inovasi (Idea – IQ) adalah terbuka kepada semua pekerja UPM di mana sumbangan Idea Inovasi yang dihantar oleh pekerja UPM dinilai dari aspek kreativiti dan inovatif serta kesesuaian untuk diketengahkan serta direalisasikan sebagai projek Inovasi Perkhidmatan atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di UPM.

Sebanyak 46 penyertaan oleh pekerja UPM telah diterima dan dinilai oleh Jawatankuasa Kecil Penyelarasan dan Hadiah Idea Inovasi pada peringkat awal. Jawatankuasa telah menyenarai pendek sebanyak 17 Idea-IQ yang kreatif, relevan serta realistik bagi tujuan diketengahkan sebagai projek inovasi UPM untuk menjalani Sesi Penjelasan Idea-IQ dan seterusnya memilih 5 Idea-IQ terbaik bagi tujuan penganugerahan Hadiah Idea Inovasi Tahun 2017.

**LAMPIRAN B****SENARAI PEMENANG ANUGERAH SEMPENA SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP) UPM TAHUN 2016****(1) Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran**

Tempat	Pusat Tanggungjawab	Penarafan Bintang	Nilai Hadiah
Pertama	Fakulti Ekologi Manusia	<b>5 Bintang</b>	RM2,000, sijil Pemenang dan Piala Pusingan
Kedua	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	<b>5 Bintang</b>	RM1,500 dan sijil Pemenang
Ketiga	Fakulti Kejuruteraan	<b>5 Bintang</b>	RM1,000 dan sijil Pemenang
Keempat	Kolej Empat Belas	<b>5 Bintang</b>	RM750 dan sijil Pemenang

**(2) Anugerah Inovasi Perkhidmatan**

Kedudukan Pemenang	Projek Inovasi	Nama Kumpulan	Pusat Tanggungjawab	Nilai Hadiah
KATEGORI PENGURUSAN				
Pertama	Financial Management Self Assesment (FaMes)	The Core	Bahagian Audit Dalam	RM 1,500.00, sijil Pemenang dan Piala Pusingan
Kedua	Inovasi Pendaftaran Pelajar Baharu	putra -INODAF	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	RM 1,000.00 dan sijil Pemenang
Ketiga	Repositori Format Pembangunan Aplikasi (REFTApps')	REFTApp's Pawns	Pusat Pembangunanann Maklumat & Komunikasi (IDEC)	RM 750.00 dan sijil Pemenang

KATEGORI TEKNIKAL				
Pertama	UPM Where To Go	LDG 10 UPM	Fakulti Pertanian	RM 1,500.00 dan sijil Pemenang
Kedua	SMART PLUCKER	ECOFUTE'	Fakulti Ekologi Manusia	RM 1,000.00 dan sijil Pemenang
Ketiga	Aircon S.O.S	Putranovasi	Putra Science Park, Pejabat TNCPi	RM 750.00 dan sijil Pemenang

### **(3) Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif**

Kedudukan Pemenang	Nama Kumpulan	Pusat Tanggungjawab	Nama Projek	Nilai Hadiah
Pertama	Langit Putra	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Kesukaran menggantung banting <i>outdoor</i> pada tiang lampu setiap kali program dijalankan	RM 1,500.00, sijil Pemenang dan Piala Pusingan
Kedua	iDeTech	Pusat Pembangunan maklumat dan Komunikasi	Warga UPM terpaksa mengingati beberapa ID dan dan katalaluan bagi sistem yang pelbagai	RM 1,000.00 dan sijil Pemenang
Ketiga	Axon Force	Fakulti perubatan dan Sains Kesihatan	Proses Pengurusan Sangkar yang Merumitkan di Unit Ujikaji Haiwan	RM 750.00 dan sijil Pemenang
Hadiah Penghargaan	FORR FLORA	Fakulti Perhutanan	Kesukaran Mendapat Posisi Lokasi untuk Membantu Pengguna daripada Sesat di Kawasan Hutan yang tiada Signal	RM 300.00 dan sijil Penghargaan

**(4) Anugerah Pengurusan Lean**

<b>Kedudukan Pemenang</b>	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	<b>Nama projek Lean</b>	<b>Nilai Hadiah</b>
Pertama	Pusat Kesihatan Universiti	Proses i-MeX PKU UPM	RM 1,500.00 dan sijil pemenang
Kedua	Taman Pertanian Universiti	Proses Kompos	RM 1,000.00 dan sijil pemenang
Ketiga	Bahagian Audit Dalam	Proses Verifikasi Aset	RM 750.00 dan sijil pemenang
Hadiah Penghargaan	Bahagian Keselamatan	Proses Penyediaan Kad Pintar UPM (Pelajar)	RM 300.00 dan sijil Penghargaan

**(5) Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja**

<b>Kedudukan Pemenang</b>	<b>Nama PTJ</b>	<b>Nilai Hadiah</b>
Kategori Fakulti	Fakulti Ekologi Manusia (FEM)	RM 1,500.00 dan sijil pemenang
Kategori Institut	Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS)	RM 1,500.00 dan sijil pemenang
Kategori Entiti Perkhidmatan	Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS)	RM 1,500.00, sijil pemenang dan Piala Pusingan

**(6) Anugerah Pengurusan Laman Web**

<b>Kedudukan Pemenang</b>	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	<b>Nilai Hadiah</b>
Pertama	Pusat Alumni	RM 1,500.00, sijil Pemenang dan Piala Pusingan
Kedua	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	RM 1,000.00 dan sijil Pemenang
Ketiga	Sekolah Pengajian Siswazah	RM 750.00 dan sijil Pemenang

**(7) Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

<b>Kedudukan Pemenang</b>	<b>Nama PTJ</b>	<b>Nilai Hadiah</b>
Kategori A- Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/ Pejabat yang mempunyai persekitaran pejabat	Sekolah Pengajian Siswazah	RM 1,500.00 dan sijil Pemenang
Kategori B- Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/ Pejabat yang mempunyai gabungan persekitaran pejabat, makmal, bengkel, pertanian dan lain-lain	Institut Biosains	RM 1,500.00, sijil Pemenang dan Piala Pusingan
Kategori C-Kolej Kediaman	Kolej Empat Belas	RM 1,500.00 dan sijil Pemenang

**(8) Anugerah Indeks Akauntabiliti**

<b>Kedudukan Pemenang</b>	<b>Nama PTJ</b>	<b>Nilai Hadiah</b>
Kategori 1 (Aset dan inventori PTJ melebihi 1200 unit)	Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan	RM 1,500.00 dan sijil pemenang
Kategori 2 (Aset dan inventori PTJ melebihi 300 unit dan kurang dari 1200 unit)	Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah (KOSASS)	RM 1,500.00 dan sijil pemenang
Kategori 3 (Aset dan inventori PTJ kurang dari 300 unit)	Kolej Kedua	RM 1,500.00 dan sijil pemenang



**(9) Hadiah Mencipta Tema HKIP**

<b>Kedudukan Pemenang</b>	<b>Tema</b>	<b>Nama Pemenang</b>	<b>Nilai Hadiah</b>
Tema Terbaik	Inovasi Mengilham Masa Depan Gemilang	Dk Mashi binti Pg Kifli (Pusat Kesihatan Universiti)	RM 250 dan Sijil pemenang
Tempat Ke-2	Inovasi Pemacu Peningkatan Kualiti Kreatif	Mazlina Md Ali Radzuan (Fakulti Ekologi Manusia)	Sijil Penghargaan
Tempat Ke-3	Inovasi Teras Kecemerlangan Pekerja	Najimuddin bin Zakaria (Fakulti Ekologi Manusia)	Sijil Penghargaan

**(10) Hadiah Idea Inovasi**

<b>Kedudukan Pemenang</b>	<b>Idea Terbaik</b>	<b>Nama Pemenang</b>	<b>Nilai Hadiah</b>
Idea Terbaik	EZ LIGHT - C	Encik Farizal Muzammil Abdul Wahab, Fakulti Kejuruteraan	RM 150 dan Sijil Pemenang
Idea Terbaik	Door Repair Holder	Encik Johan Budiman Nurthani, Fakulti Kejuruteraan	RM 150 dan Sijil Pemenang
Idea Terbaik	Handsfree Strecher	Encik Hanafiah Ismail, Perpustakaan Sultan Abdul Samad	RM 150 dan Sijil Pemenang
Idea Terbaik	Menggantung Banner secara Makenikal	Encik Mohd Sopian Mohd Zin, Fakulti Perhutanan	RM 150 dan Sijil Pemenang
Idea Terbaik	Mencipta alat penyerap bau/nyah bau	Puan Siti Nur Alifah Abdul Rahman, Sekolah Pengajian Siswazah	RM 150 dan Sijil Pemenang

